

# Persiapan akhir

## menjelang peperiksaan



**Tutor**

PELAJAR yang telah mendaftar mengikuti program Klinik Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) II dan Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) 2006 peringkat kebangsaan dinasihati menghimpunkan soalan yang mereka masih belum faham, untuk ditanya kepada guru-guru pakar semasa klinik nanti.

Konsep belajar menjelang peperiksaan akan dipraktikkan pada bengkel itu nanti, dengan andaian pelajar telah mula belajar sejak awal tahun.

Jadi, peserta hanya perlu menggilap mana-mana 'bab' atau soalan yang masih tumpul semasa bengkel itu nanti supaya mereka benar-benar yakin ketika menduduki peperiksaan sebenar.

Sebaik-baiknya jangan datang dengan minda yang kosong.

Pada klinik itu, pelajar akan didedahkan dengan soalan-soalan yang biasa ditanya dalam peperiksaan dan strategi menjawab untuk mendapat A.

Bawa sekali semangat dan keazaman supaya calon benar-benar memanfaatkan program ini.

Sementara itu, ibu bapa dari jauh yang ingin menginap di sekitar Nilai atau bercadang untuk membeli belah di sekitar Nilai 1 dan Nilai 3 bolehlah membuat tempahan bilik hotel di Nilai, sementara anak mereka mendapat manfaat daripada klinik tersebut.

Pada bengkel itu juga, guru-guru terbaik akan menjadi tutor kepada para peserta, membongkar rahsia bagaimana mendapat A, dan menghadapi tekanan di saat-saat akhir.

Program dianjurkan bersama oleh *Utusan Malaysia* dan Kolej Universiti Islam Malaysia (KUIM) di kampus KUIM di Nilai, Negeri Sembilan.

Kertas yang ditawarkan untuk SPM ialah Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Matematik Moden, Sejarah dan Sains atau Fizik. Manakala untuk STAM, ialah Hifz al-Quran dan Tajwid, Tafsir dan Ulumuhu, Hadith dan Mustolah, Mantik, Arudh dan Kifayah.

Pelajar tingkatan empat juga dialu-alukan ke program ini sebagai pendedahan awal.

Ibu bapa dinasihatkan mendaftar anak-anak secepat mungkin kerana tempat adalah terhad serta tarikh tutup penyertaan ialah pada 22 Mei, 2006.

Borang penyertaan boleh didapati melalui sisipan AKelas dan Tutor atau memuat turun dengan melayari [www.tutor.com.my/tutor/klinik](http://www.tutor.com.my/tutor/klinik).

Sebarang pertanyaan boleh dibuat dengan menelefon Dr. Ismail Zain sendiri di talian 019-5713745.